

Sinkritisasi Ajaran Sesat dan Teori Konspirasi di Media Sosial Menurut Perspektif Pemikiran Islam

Synchronization of Deviant Teachings and Conspiracy Theories on Social Media according to the Perspective of Islamic Thought

Mohd Khairul Naim Che Nordin

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
khairulnaim@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol52no2.1>

Abstract

The invention of the internet and the development of social media have enabled the rapid and widespread communication in every corner of the world. It gives an equal opportunity to everyone to express their ideas and views whether they are facts, false data and assumptions. The context and reality of the internet which provides unfiltered information and puts the onus on users to take responsibility for dealing with the overflow of information has opened up space for the spread of conspiracy theories, including those linked to religion. The potential of social media to attract followers has been exploited by some individuals and groups to spread deviant teachings in order to gain followers. To attract recognition, they incorporate conspiracy theories and eschatology into their teachings. By using the library research method through the analysis of related works, this paper examines the syncretism between conspiracy theories and deviant teachings in Malaysia through several websites and social media accounts. The study categorizes the characteristics that lead to the syncretization into four, namely epistemology, doctrine, worldview and social aspects.

Keywords: deviant teachings; conspiracy theories; syncretization; social media

Abstrak

Penciptaan internet dan seterusnya perkembangan media sosial telah membolehkan penyebaran komunikasi dan maklumat secara pantas dan meluas di pelusuk dunia. Ia memberi peluang secara sama rata kepada setiap orang untuk mengutarakan idea dan pandangan masing-masing sama ada ia bersifat fakta, data palsu atau andaian yang belum dibuktikan kesahihannya. Konteks dan realiti internet yang menyediakan maklumat

tanpa tapisan dan meletakkan bebanan kepada pengguna untuk memikul tanggungjawab sendiri dalam menangani limpahan maklumat yang diterima telah membuka ruang kepada berkembangnya teori-teori konspirasi, termasuklah yang dikaitkan dengan agama. Potensi media sosial untuk menarik pengikut (followers) telah dieksplorasi oleh sesetengah individu dan kumpulan untuk menyebarkan ajaran menyeleweng dari agama seterusnya mendapatkan pengikut. Mereka menggabungkan ajaran yang dibawa dengan teori konspirasi dan situasi akhir zaman sebagai rencah kepada ajaran yang dibawa. Dengan menggunakan metode kajian perpustakaan menerusi analisis terhadap karya dan kajian berkaitan, makalah ini merumuskan berlakunya sinkritasi antara teori konspirasi dengan beberapa ajaran sesat yang aktif di Malaysia menerusi beberapa laman sesawang dan laman sosial yang digunakan. Makalah ini mengkategorikan ciri-ciri yang membawa kepada sinkritasi tersebut kepada empat iaitu epistemologi, doktrin, pandang alam dan aspek sosial.

Kata Kunci: ajaran sesat; teori konspirasi; sinkritasi; media sosial.

Pendahuluan

COVID-19 yang melanda seluruh dunia bermula pada tahun 2019 turut menyaksikan berkembangnya satu lagi fenomena yang lahir secara tidak langsung daripada penularan wabak ini iaitu bercambahnya teori-teori konspirasi, penyebaran maklumat palsu dan maklumat salah serta merebaknya syak wasangka umum terhadap berita dan laporan yang mereka terima. Walaupun fenomena ini telah wujud sejak sekian lama, namun kajian-kajian akademik terkini menunjukkan berlaku perkembangan ketara terhadap aspek di atas selepas merebaknya COVID-19.¹ World Health Organization (WHO) memandang serius perkembangan ini sehingga memberikan amaran kepada masyarakat dunia tentang berkembangnya apa yang dinamakan sebagai ‘*infodemic*’ iaitu limpahan dan kebanjiran maklumat termasuklah info palsu dan

¹ Rujuk sebagai contoh kajian David De Coninck et al., “Beliefs in Conspiracy Theories and Misinformation about COVID-19: Comparative Perspectives on the Role of Anxiety, Depression and Exposure to and Trust in Information Sources,” *Frontiers in Psychology* 12 (2021), 1-13; Todd K. Hartman et. al., “Different Conspiracy Theories Have Different Psychological and Social Determinants: Comparison of Three Theories About the Origins of the COVID-19 Virus in a Representative Sample of the UK Population,” *Frontiers in Political Science* 3 (2021), 1-17.

info yang diselewengkan di platform digital khususnya ketika berlaku penyebaran wabak.²

Secara umumnya, teori konspirasi menarik perhatian ramai dan berkembang selepas sesuatu fenomena dan kejadian besar berlaku. Lebih besar sesuatu kejadian itu, maka lebih banyak teori dan andaian akan bercambah. Ini kerana manusia secara nalurinya mahu mengambil tahu apa yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh kerana itu, sebahagian manusia akan berpaut pada andaian dan teori walaupun tanpa fakta dan bukti yang jelas. Ia sekurang-kurangnya mampu memberikan jawapan terhadap persoalan dan kekaburuan yang bermain di fikiran. Bahkan adakalanya teori konspirasi disulami pula dengan pandangan-pandangan agama bagi mewajarkan dan membenarkan teori yang dikemukakan. Contohnya Mirza Ghulam Ahmad mendakwa kejadian gerhana bulan pada tiga malam pertama Ramadan 1311 Hijrah bersamaan bulan Mac dan April 1894 beserta gerhana matahari pada sebelah siangnya merupakan tanda akhir zaman kemunculan beliau sebagai al-Mahdi dan al-Masih. Ia disusuli dengan berlakunya penyebaran wabak di India beserta gempa bumi dahsyat.³ Kejadian runtuhnya dua menara World Trade Centre (WTC) di Amerika Syarikat pada September 2001 pula didakwa sesetengah pihak sebagai tanda keruntuhan total negara tersebut dengan dikaitkan pula secara khusus dengan surah al-Taubah ayat ke 110.⁴ Selain itu, kumpulan bersenjata yang berpengkalan di Somalia iaitu al-Shabab pernah mengeluarkan kenyataan bahawa wabak

² “Infodemic,” World Health Organization (WHO), diakses 29 Julai 2022, https://www.who.int/health-topics/infodemic#tab=tab_1.

³ Saleh Mohammad Alladin, “The Advent of the Promised Messiah as Vindicated by the Signs of the Lunar and Solar Eclipses”, laman sesawang *Al-Islam: The Official Website of the Ahmadiyya Muslim Community*, diakses 7 Julai 2022, <https://www.alislam.org/articles/promised-messiah-lunar-solar-eclipses/>.

⁴ Al-Taubah ayat ke 110 disebut telah meramalkan kejadian 11 September ini akan berlaku. Ini kerana ayat yang ke 110 adalah bersamaan dengan tingkat menara tersebut iaitu 110 tingkat, juzu’ ke 11 menunjukkan tarikh ia berlaku iaitu pada 11 hari bulan, surah al-Taubah merupakan surah ke 9 dan ia bersesuaian dengan bulan 9 (September), dan huruf terakhirnya ialah huruf ke 2001 yang bersesuaian pula dengan tahun ia berlaku. Muh. Hasim Arfah, “Ternyata, Hancurnya Gedung WTC Amerika Sudah Disebut dalam Al Quran,” *Tribunnews*, 27 Feb 2015, <https://makassar.tribunnews.com/2015/02/27/ternyata-hancurnya-gedung-wtc-amerika-sudah-disebut-dalam-al-quran>.

COVID-19 disebarkan oleh pasukan tentera salib dari Barat untuk menjajah negara-negara Islam.⁵

Dakwaan-dakwaan seperti ini boleh tersebar dengan cepat dan meluas dengan wujudnya internet. Capaian kepada maklumat seperti di atas sama ada bersumberkan enjin carian atau media sosial adalah bergantung kepada pengetahuan dan kecaknaan pengguna sama ada meragui, menerima atau meyakininya. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan hubungan ajaran sesat dengan teori konspirasi serta peranan media sosial masa kini terhadap perkembangan tersebut. Dengan menggunakan metode dokumentasi kepustakaan, penulis menumpukan karya-karya dan hasil penyelidikan berkait tiga asas utama kajian ini iaitu ajaran sesat di Malaysia, teori konspirasi dan ciri-cirinya serta media sosial dan perkembangannya. Data yang dikumpul ini akan dihurai secara analitikal dan disintesiskan bagi menyediakan hasil kajian yang akan melihat bagaimanakah gabungan ketiga-tiga asas tersebut memberikan kesan terhadap masyarakat Muslim di Malaysia. Sebelum dibincangkan perkaitan di atas adalah penting untuk disorot secara ringkas perkembangan ajaran sesat.

Sorotan Ringkas Perkembangan Ajaran Sesat di Malaysia

Ajaran sesat adalah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau orang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan ajaran Islam, sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta juga bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Definisi yang dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini turut digunakan di Selangor khususnya untuk tujuan pewartaan ajaran sesat seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.⁶

⁵ Penulis tidak diketahui, “Groups Associated with al-Qaeda, ISIS Spread Conspiracy Theories About COVID-19: UN Report,” *The Economic Times*, 19 November 2020, https://economictimes.indiatimes.com/news/defence/groups-associated-with-al-qaeda-isis-spread-conspiracy-theories-about-covid-19-un-report/articleshow/79297124.cms?utm_source=contentofinterest&utm_medium=text&utm_campaign=cppst.

⁶ “Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2016, 31 Oktober-4 November 2016 dan 7 November-10 November 2016,” Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor, diakses 10 Julai 2022, <http://dewan.selangor.gov.my/question/ajaran-agama-sesat-di-selangor/>.

Terdapat beberapa kata kunci yang boleh dikenalpasti daripada huraian di atas iaitu:

- i. Ajaran: Ajaran sesat dikenal pasti pada dua aspek iaitu ajaran sama ada yang disampaikan secara lisan mahupun tulisan serta pada aspek amalan yang dilakukan oleh individu dan pengikutnya.
- ii. Individu: Penggerak terhadap ajaran tersebut tidak terhad kepada orang Islam tetapi juga bukan Islam yang mendakwa apa yang dibawanya adalah sebahagian daripada Islam.
- iii. Ahli Sunnah Wal Jamaah: Ajaran dan amalan itu pula didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan selepas penelitian dilakukan terhadap dua aspek tersebut boleh dikenal pasti bahawa ia bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh itu, setiap ajaran dan amalan yang didakwa sebagai Islam tetapi menyalahi Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah ajaran sesat.

Dalam konteks sejarah, pengenalpastian terhadap kewujudan dan perkembangan ajaran sesat di Nusantara umumnya dan Tanah Melayu khususnya memerlukan kajian lanjut yang teliti memandangkan tiada dokumentasi yang tersusun direkodkan. Walau bagaimanapun, beberapa ajaran ini dapat dikenalpasti secara umum melalui tulisan para ulama Nusantara dalam karya-karya akidah dan tasawuf mereka. Sebagai contoh, kitab *Bidayah al-Hidayah* tulisan Muhammad Zayn Faqih Jalaluddin yang ditulis pada tahun 1170H /1756M telah menasihati orang awam untuk berhati-hati merujuk karangan sufi terdahulu seperti karya Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani dan Saiful Rijal dibimbangi menyebabkan salah faham terhadap tulisan mereka dan akhirnya dibimbangi menyebabkan kesesatan.⁷ Selain itu, kitab *Bidayah* juga menjelaskan bahawa aspek akidah yang seharusnya diikuti ialah ilmu Usuluddin seperti yang disusun oleh Imam Abu al-Hasan al-Asha'ri dan pada aspek tasawuf oleh Imam Junayd al-Baghdadi. Beliau turut menjelaskan kepentingan orang awam untuk mengikuti ulama yang berpegang dengan ‘itiqad yang

⁷ Muhammad Zayn Faqih Jalaluddin Aceh, *Bidayah al-Hidayah Syarh Matn Umm al-Barahin* (Pattani: Matba'ah Bin Halabi, t.t.), 41-42.

sahih dan berwaspada dengan orang jahil yang mendakwa dirinya berilmu.⁸ Ia secara langsung meletakkan satu ukuran kepada orang awam untuk mengikuti ajaran yang sebenar daripada mereka yang diiktiraf berilmu dan mengelakkan terjebak dengan ajaran sesat oleh individu yang jahil.

Selain itu, Muhammad Nafis al-Banjari melalui karya tasawufnya, *al-Durr al-Nafis* yang ditulis pada tahun 1200H/1785M telah menjelaskan kesesatan ajaran Jabbariyah dan Mu'tazilah yang dinyatakan sebagai ajaran salah yang boleh menjelaskan perjalanan hamba mengenal Allah SWT.⁹ Penulis merumuskan "...maka iaitulah Ash'ariyyah itulah iktikad yang *maqbudh* yang selamat daripada bahaya dunia dan akhirat".¹⁰ Ia sebagai menjawab persoalan, sekiranya dua contoh firqah di atas sebagai sesat, maka ajaran yang sahih adalah seperti yang ditunjukkan oleh ulama Ash'a'irah.

Di samping itu, Daud 'Abd Allah al-Fatani melalui karyanya *al-Durr al-Thamin* yang ditulis pada tahun 1232H/1817M telah menghuraikan pengenalan ilmu akidah berasaskan 10 prinsip ilmu (*Mabadi' al-'Asharah*). Penulis menegaskan ajaran akidah yang sahih adalah ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah bersumberkan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak sahabat RA.¹¹ Daripada penegasan ini boleh difahami bahawa ajaran yang sesat adalah yang menyalahi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Manakala, Ahmad Muhammad Zayn al-Fatani melalui karyanya *Faridah al-Faraaid* menegaskan "akidah yang sebenar yang elok cahayanya lagi yang mengandungkan i'tiqad Ahli Sunnah..." iaitu penegasan berkenaan ajaran sahih yang wajib diikuti umat Islam.¹² Menerusi penjelasan beliau berkenaan empat asas agama pula ditegaskan bahawa salah satunya ialah keyakinan yang sah berpandukan iktikad Ahli Sunnah.¹³ Dalam hal ajaran sesat pula, penulis memasukkan

⁸ Ibid., 31-32.

⁹ Muhammad Nafis Idris al-Banjari, *al-Durr al-Nafis* (Pattani: Matba'ah Bin Halabi, t.t.), 4.

¹⁰ Ibid. 5

¹¹ Daud 'Abd Allah al-Fatani, *al-Durr al-Thamin fi 'Aqaid al-Mu'minin* (Pattani: Matba'ah Bin Halabi, t.t.), 4.

¹² Ahmad Muhammad Zayn al-Fatani, *Faridah al-Faraaid fi 'Ilm al-'Aqaid* (Pattani: Matba'ah Bin Halabi, t.t.), 2.

¹³ Ibid., 3.

kelompok seperti Muktazilah dan mujassimah sebagai pelaku dosa besar yang melakukan bidaah pada aspek iktikad.¹⁴

Karya lain yang turut menyentuh topik dan perbahasan yang hampir sama adalah seperti *Hidayah al-Sibyan fi Ma'rifah al-Islam wa al-Iman* tulisan Tuan Husain Kedah yang ditulis pada tahun 1303H/1885M, *Siraj al-Huda Pada Menyatakan Akidah Ahl al-Taqwa* tulisan Muhammad Zainudin yang ditulis sekitar tahun 1885-1856M, *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din* karya Zayn al-'Abidin Muhammad al-Fatani atau Tuan Minal yang ditulis pada tahun 1308H/1890M, *Bakurah al-Amani li Irsyad 'Awam Ahl al-Fatani* tulisan Ismail Abdul Qadir al-Fatani yang ditulis pada tahun 1335H/1916M serta banyak lagi. Selain itu, terdapat banyak karya berbahasa Arab yang diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh para ulama Nusantara. Karya terjemahan ini membahaskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah menurut manhaj Asha'irah seperti terjemahan *Umm al-Barahin* dalam bahasa Melayu bertajuk "Inilah Akidah bagi Sanusiyyah Matn Umm al-Barahin" pada tahun 1188H/1774M, terjemahan *Syarh Matn Jawharah al-Tawhid* yang ditulis pada tahun 1292H/1874M serta lain-lain lagi.¹⁵

Karya-karya dalam bahasa Melayu ini sememangnya disasarkan kepada orang Melayu. Bahkan, sekiranya ditelusuri pengenalan atau muqaddimah beberapa karya di atas, penulis secara jelas menerangkan tujuan penulisan adalah kepada pembaca berbahasa Melayu yang tidak mampu memahami karya bahasa Arab. Oleh itu boleh dirumuskan walaupun tiada pewartaan rasmi berkait ajaran sesat namun karya-karya ulama Nusantara seperti di atas merupakan garis panduan dalam mengenalpasti ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menjadi pembanding beza dengan ajaran dan amalan yang sesat dan terseleweng.

Pasca kemerdekaan, kerajaan dengan perkenaan Majlis Raja-Raja telah menubuhkan pelbagai agensi, majlis dan jawatankuasa untuk mengurus tadbir agama Islam. Sebagai contoh, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah ditubuhkan pada awal tahun 1970 sebagai

¹⁴ Ibid., 18.

¹⁵ Nik Muhammad Syukri Nik Wan, *Sifat 20: Sejarah dan Kupasan Pendekatan Akidah* (Selangor: PTS, 2021), 15.

badan pengeluar fatwa di peringkat kebangsaan. Sejajar dengan perkembangan itu, beberapa ajaran dan amalan yang menyalahi Ahli Sunnah Wal Jamaah telah difatwakan sama ada oleh jawatankuasa di atas atau oleh institusi fatwa di setiap negeri. Antaranya seperti ajaran Nasrul Haq dan Ajaran Transcendentel Meditation yang difatwakan menyalahi Islam pada tahun 1978, pengharaman Ajaran Aurad Ismailiah oleh Mahmud Hj Abd Rahman dan Ajaran Syed Muhamad Al Masyhor pada tahun 1979, Tarekat Mufarridiah pada tahun 1980 dan lain-lain lagi.

Internet dan Media Sosial sebagai Lahan Subur Pengembangan Ajaran Sesat Kontemporari

Perkembangan media sosial kini telah berubah daripada sekadar hiburan tambahan serta platform sosial antara pengguna kepada medium yang berintegrasi hampir dalam setiap bidang kehidupan manusia. Kemampuan media sosial beradaptasi dengan keperluan semasa pengguna menjadikan ia kekal relevan, bahkan semakin popular kini. Di Malaysia, kadar penggunaan media sosial adalah tinggi dan terus meningkat dari tahun ke tahun. Sehingga Januari 2021, terdapat 28 juta pengguna media sosial di negara ini mewakili 86% populasi keseluruhan rakyat Malaysia. Ia meletakkan Malaysia sebagai negara yang menduduki ranking kelima paling ramai pengguna media sosial di dunia.¹⁶ Pada aspek penggunaan, platform media sosial paling banyak digunakan ialah Whatsapp diikuti Facebook, Instagram, Telegram, Facebook Messenger, TikTok, Twitter dan WeChat. Secara purata, pengguna di Malaysia menghabiskan 7.2 jam masa seminggu untuk menonton video atas talian dan menghabiskan 3 jam sehari di media sosial.¹⁷ Pengaruh besar media sosial ini menjadikan beberapa ajaran sesat dikenalpasti mengubah modus operansi mereka daripada beroperasi secara sulit di markaz tertentu ke media sosial yang terbuka dan mampu diakses secara mudah.

¹⁶ “Communications Ministry: Malaysia has Approximately 28 Million Social Media Users as of Jan 2021,” *MalayMail*, 22 Sept 2021, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/09/22/communications-ministry-malaysia-has-approximately-28-million-social-media/2007482>.

¹⁷ “Social Media Penetration in Malaysia [Research],” laman sesawang *Digital Bussiness Lab*, 26 Julai 2022, diakses 30 Julai 2020, <https://digital-business-lab.com/2022/07/%E2%91%A1-social-media-penetration-in-malaysia-research/>.

Ini kerana media sosial menyediakan pelbagai ruang kepada pengguna seperti kemudahan komunikasi sama ada melalui audio, teks atau video, untuk perkongsian maklumat, pemasaran dan lain-lain. Dalam konteks operasi, terdapat media sosial yang berfungsi secara kronologi iaitu hantaran (post) terkini oleh pemegang akaun akan ditunjukkan terlebih dahulu secara kronologi kekinian. Namun, sebahagian besar media sosial yang lain seperti Facebook, Instagram, TikTok dan lain-lain beroperasi menggunakan algoritma oleh kecerdasan buatan (AI) di mana ia berfungsi menyusun atur siaran dan hantaran dalam suapan pengguna berdasarkan perkaitan (antara setiap suapan atau hantaran) dan bukannya berdasarkan masa hantaran. Algoritma akan mengutamakan kandungan (content) yang dilihat oleh pengguna hasil rekod yang dilayari (carian, bilangan klik, bilangan view, bentuk akaun yang diikuti, komen, perkongsian (sharing) dan lain-lain) sehingga terbentuk satu rangkaian sosial dengan kemungkinan pengguna benar-benar mahu melihat dan melayarinya.¹⁸ Secara mudahnya algoritma berfungsi menyediakan kandungan (content) yang berkemungkinan relevan kepada pengguna di mana kerelevan itu diukur berdasarkan gelagat pengguna ketika melayari media sosial tersebut.

Penetapan operasi seperti ini boleh menyebabkan kebergantungan keterlaluan pengguna terhadap media sosial dan seterusnya ketagihan terhadapnya. Seseorang pengguna juga akhirnya akan dibataskan aksesnya hanya kepada aspek yang dilihat relevan oleh algoritma dan bukan atas kehendaknya pada masa itu. Sekiranya dikaitkan dengan penyebaran ajaran sesat dan teori konspirasi, mereka yang berminat untuk mengetahui sesuatu informasi berkaitan di media sosial akan didedahkan bukan sekadar kepada akaun ajaran atau fahaman tersebut tetapi juga halaman (page) yang berkait, jaringan mereka yang mengikuti ajaran terbabit, hantaran yang berkaitan dengannya dan lain-lain. Oleh itu, impak media sosial pada aspek pendedahan terhadap ajaran sesat dan teori konspirasi adalah suatu yang tidak boleh dipandang ringan.

¹⁸ Filippo Menczer, "Here's Exactly How Social Media Algorithms Can Manipulate You," laman sesawang *Big Think*, diakses 3 Ogos 2022, <https://bigthink.com/the-present/social-media-algorithms-manipulate-you/>.

Kajian berkenaan faktor kemunculan dan perkembangan ajaran sesat telah banyak dibincangkan, namun impak penyebarannya di media sosial masih belum dikaji secara mendalam. Di samping itu timbul persoalan apakah wujud perhubungan yang boleh ditemukan antara ajaran sesat dan teori konspirasi? Apakah wujud ciri dan nilai sepunya antara keduanya sehingga ia boleh dilihat secara umumnya berkembang secara setara dan saling melengkapi antara satu sama lain? Sebelum dibincangkan lebih lanjut persoalan ini adalah penting untuk dicermati terlebih dahulu berkaitan latar dan faktor kemunculan teori konspirasi itu sendiri.

Faktor dan Implikasi Teori Konspirasi

Konspirasi merupakan kata pinjaman daripada bahasa Inggeris iaitu *conspiracy*. Ia diambil daripada dua perkataan Latin iaitu *con* (with) dan *spirare* (to breathe) yang bermaksud ‘bernafas bersama’ atau ‘bersekongkol’. Ia merujuk kepada perbuatan berbisik (whispering) antara dua pihak dan berkait erat dengan aspek kerahsiaan.¹⁹ Oleh itu, konspirasi merupakan suatu tindakan dilakukan secara bersama dalam keadaan rahsia. Teori pula bermaksud penjelasan bersifat andaian yang boleh menjadi asas pada pemikiran dan kepercayaan.²⁰

Berdasarkan kepelbagaiannya definisi yang dikemukakan oleh para pengkaji bidang ini, penulis merumuskan teori konspirasi sebagai penjelasan berkenaan sesuatu peristiwa dan kejadian yang telah, sedang dan akan berlaku di mana penyebab atau faktor berlakunya sesuatu peristiwa tersebut adalah hasil konspirasi dan perancangan sama ada individu, kumpulan atau institusi tertentu yang ditanggapi berkuasa merancang, menentu dan mengawal apa yang dikuasai tersebut. Penjelasan tersebut pula boleh jadi benar dan palsu serta kebiasaannya pula menyanggahi kenyataan pihak berkuasa atau badan berautoriti. Sebagai contoh, skandal Watergate yang menyebabkan perletakan jawatan Richard Nixon selaku Presiden Amerika Syarikat pada tahun 1974 adalah hasil pendedahan yang dibuat oleh dua wartawan bernama Bob

¹⁹ David Coady, “An Introduction to the Philosophical Debate about Conspiracy Theories,” dalam *Conspiracy Theories: The Philosophical Debate*, ed. David Coady (New York: Routledge, 2018), 2.

²⁰ Ibid.

Woodward dan Carl Bernstein. Dakwaan yang pada mulanya diragui dan dianggap konspirasi ini akhirnya disahkan oleh pihak kerajaan sendiri bahawa Nixon sebaliknya yang berkonspirasi untuk menjatuhkan lawan politiknya.²¹ Pada aspek ini boleh difahami bahawa sesuatu teori konspirasi yang benar dan kemudiannya boleh ditanggapi benar pula oleh umum hanya boleh dicapai apabila ia dapat dibuktikan melalui siasatan, kajian, penilaian dan perakuan oleh pihak berautoriti.

Namun, mereka yang berpegang dengan teori konspirasi kebiasaan tidak melihat ia sebagai sekadar teori, malahan fakta yang perlu dipegang. Perbahasan ini sudah pasti akan meluas kepada aspek kognitif dan psikologi individu kerana ia melibatkan piawai dan standard benar-salah yang diletak tentukan oleh individu terbabit. Walau bagaimanapun, bentuk-bentuk teori konspirasi boleh dikategorikan kepada beberapa aspek seperti teori yang bersifat memberikan kebaikan (seperti penyelidikan sulit oleh saintis untuk merawat kanser), teori yang tidak memberikan bahaya kepada orang lain (seperti Elvis Presley memalsukan kematianinya), teori yang bersifat fiksyen dan mitos (seperti dakwaan Mirza Ghulam Ahmad sebagai al-Mahdi melalui fenomena gerhana dan penyebaran wabak), teori yang bersifat mempertikai pandangan rasmi autoriti (seperti dakwaan bumi rata) serta teori yang boleh mendatangkan bahaya secara langsung kepada orang lain (seperti dakwaan kumpulan al-Shabab bahawa COVID-19 merupakan senjata tentera salib – yang menyebabkan berlaku defisit kepercayaan terhadap autoriti dalam bidang kesihatan). Pengkategorian seperti ini agak sukar dipetakan memandangkan terdapat teori yang merangkumi lebih dari satu bentuk. Oleh kerana itu, para pengkaji sains sosial lebih menumpukan kajian kepada ciri perwatakan individu yang mempercayai teori konspirasi berbanding ciri-ciri teori itu sendiri.²²

Umumnya terdapat beberapa faktor individu mempercayai teori konspirasi. Antaranya ialah proses sosialisasi yang diterima oleh individu. Pendedahan terhadap teori-teori konspirasi di usia awal atau pendedahan bahawa seseorang itu sendiri adalah mangsa

²¹ Joseph E. Uscinski, *Conspiracy Theories: A Primer* (New York & London: Rowman & Littlefield, 2022), 24.

²² Ibid., 32.

terhadap teori tersebut boleh membentuk pandangannya dalam melihat dunia melalui lensa teori tersebut. Selain itu, ia turut membabitkan kemahuan epistemik. Apabila sesuatu kejadian berlaku maka manusia secara tabiinya mahu merungkai dan mengetahui hakikat kejadian tersebut. Mengetahui sesuatu ‘kebenaran’ secara psikologinya melahirkan kepastian, manakala ketidaktahuan menyebabkan keraguan. Teori konspirasi memberikan ‘kepastian’ kepada seseorang apabila ia menyediakan alternatif kepada jawapan yang selama ini tidak diketahui. Aspek epistemik ini juga membabitkan pendidikan yang diterima. Seseorang yang memiliki pendidikan yang rendah lebih berpotensi meyakini teori konspirasi. Ini boleh berlaku apabila keinginan untuk mengetahui tersebut diperoleh daripada saluran yang salah serta disulami pula dengan sentimen dan emosi yang menarik perhatian seseorang untuk berpegang dengannya.

Selain itu, pada aspek sosial pula menunjukkan bahawa mereka yang mempercayai teori konspirasi boleh melahirkan rasa bangga dan unik sama ada terhadap diri mereka kerana mempunyai ‘pengetahuan’ yang tidak diketahui masyarakat umum dan rasa istimewa dengan kumpulan yang disertai kerana berkongsi ‘pengetahuan’ tersebut. Ia secara langsung juga boleh berkait dengan sikap narsistik yang sedia wujud dalam diri sesetengah orang. Ini kerana sifat narsistik seumpama kemahuan mahu dilihat istimewa, diberi perhatian dan tumpuan dan lain-lain boleh juga dipenuhi melalui penerimaan terhadap teori konspirasi.²³

Ciri yang wujud dalam teori itu sendiri juga penting dalam menarik perhatian orang ramai mempercayainya. Untuk memastikan ia popular dan diterima dalam tempoh masa yang lama, maka beberapa elemen perlu wujud dalam masa yang sama. Isu dan kejadian yang dipilih perlu signifikan dan dilihat penting; mereka yang terlibat dalam konspirasi perlu diperlihatkan benar-benar wujud; dan permasalahan yang berlaku di sekeliling manusia perlu realistik. Dengan itu, teori konspirasi akan diterima oleh seseorang yang sememangnya mahu mempercayai teori

²³ Untuk rujukan lanjut berkenaan personaliti narsistik sila rujuk antaranya Elsa F. Ronningstam, *Identifying and Understanding the Narcissistic Personality* (Oxford: Oxford University Press, 2005).

tersebut dalam waktu yang bersesuaian untuk mereka mempercayainya.

Pada aspek implikasi, kepercayaan total terhadap teori-teori konspirasi boleh melahirkan pemikiran skeptik yang tidak mempercayai fakta seterusnya menilai setiap sesuatu secara selektif dan menurut sudut pandang teori yang dipegang. Ironinya, dunia pula dilihat dalam konteks ‘hitam-putih’ iaitu ‘pertembungan’ antara ‘benar’ dan ‘salah’. Pengikut sesuatu teori kebiasaannya meletakkan diri mereka di pihak yang benar di mana mereka terdiri dari kumpulan kecil minoriti yang ‘mengetahui apa sebenarnya yang berlaku’. Ini terjadi kerana ciri teori konspirasi yang bersifat spekulatif, menarik dan di luar kebiasaan serta norma pegangan umum. Pada aspek psikologi, pengikut teori biasanya melihat bahawa setiap sesuatu apatahlagi yang membabitkan kejadian besar tidak akan terjadi secara kebetulan. Ia dirancang dan dilaksanakan secara sulit. Sehubungan itu, sesuatu yang berlaku perlu diperhati elemen di sebaliknya. Apa yang terzahir berlaku tidak menggambarkan realiti sebenar. Manakala rentetan dari aspek tadi, setiap sesuatu yang dikonspirasikan adalah saling berhubungan. Disebabkan sesuatu kejadian yang berlaku itu adalah terancang, maka pasti wujud bukti, simbol, kod dan corak tertentu yang ditinggalkan serta menjadi hujah ‘kebenaran’ teori tersebut. Rumusannya, penerimaan seterusnya keyakinan terhadap teori konspirasi boleh melahirkan sikap paranoid, memiliki kepercayaan yang rendah terhadap orang lain khususnya pihak berkuasa, mempercayai bahawa dunia adalah tempat yang penuh ancaman dan lain-lain lagi.

Menerusi perbincangan di atas, wujud ciri-ciri sepunya yang boleh dikenalpasti antara teori konspirasi dengan ajaran sesat. Bahkan kedua-duanya saling menguat dan melengkapkan dakwaan bagi mengabsahkan sesuatu teori atau ajaran tersebut. Perbincangan selanjutnya akan melihat aspek sepunya yang membawa kepada berlakunya sinkritasi antara sesetengah ajaran sesat dengan teori konspirasi.

Hubungan dan Sinkritasi Ajaran Sesat dengan Teori Konspirasi

Berdasarkan beberapa ciri teori konspirasi seperti yang dinyatakan di atas, makalah ini mengenalpasti wujudnya persamaan dengan

beberapa ciri yang terdapat dalam ajaran sesat. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

a. Epistemologi: Menolak Pihak dan Sumber Berautoriti serta Pegangan Arus Perdana

Seperti yang telah dihuraikan, kewujudan teori konspirasi adalah bertujuan antaranya untuk menolak kenyataan pihak berautoriti seterusnya menyediakan jawapan yang didakwa ‘benar’ berbanding pernyataan atau bukti rasmi. Pada aspek epistemologi, teori konspirasi menolak sumber daripada pihak berautoriti, bahkan menganggapnya sebagai palsu dan salah. Manakala, kewujudan ajaran sesat itu sendiri adalah bagi menolak pegangan dan keyakinan seperti yang ditunjukkan oleh para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi pihak paling berautoriti dan wibawa dalam mengembangkan pegangan ini. Sebagai contoh, ajaran Qadiani atau Ahmadiyah percaya bahawa hadis berpecahnya umat Islam kepada 73 kumpulan adalah dalil penting tentang kebenaran ajaran tersebut.²⁴ Sabda Nabi bahawa hanya satu kumpulan yang benar, manakala 72 lagi adalah sesat merujuk kepada kebenaran Ahmadiyah sebagai satu-satunya ajaran yang diperakui Nabi SAW.²⁵ Hizbut Tahrir turut menegaskan melalui periyawatan hadis yang lain bahawa maksud kumpulan yang selamat oleh Nabi SAW iaitu ‘*al-Jama‘ah*’ ialah “merujuk kepada kaum Muslimin yang tinggal di bawah kepimpinan seorang Khilafah.” Mereka menolak konsep Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti yang dipersetujui para ulama dan mengumumkannya kepada ‘mereka yang berjuang menegakkan khilafah’. Bagi

²⁴ Terdapat beberapa matan hadis berkenaan terpecahnya umat Islam kepada 73 golongan. Dalil yang digunakan oleh Ahmadiyah ialah melalui periyawatan ‘Abd Allah bin ‘Amru dalam Sunan al-Tirmidzi, al-Tabrani dan al-Hakim seperti berikut:

لَيَأْتِيَ عَلَىٰ أُمَّيٍّ مَا أُمَّىٰ عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ حَذَرَ اللَّهُ بِالْعَلِيِّ ، حَتَّىٰ إِنْ كَانَ مِنْهُمْ مَنْ أَتَىٰ اللَّهَ عَلَيْهِ لَكَانَ فِي أُمَّيٰٰ مِنْ يَصْبِعُ ذَلِكَ ، وَلَئِنْ يَنْهَا إِسْرَائِيلَ تَنْزَقُتْ عَلَىٰ ثَتَّبِينَ وَسَعْيِنَ مَلَّا ، وَتَفَرَّقُ أُمَّيٰٰ عَلَىٰ ثَلَاثَ وَسَعْيِنَ مَلَّا ، كَلُّهُمْ فِي الدَّارِ إِلَّا مَلَّا وَاحِدَةٌ ، قَالُوا : مَنْ هُوَ يَأْرِسُ اللَّهَ ؟ قَالَ : مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي

Ia dinilai Hasan Gharib oleh al-Tirmizi. Muhammad bin ‘Isa al-Tirmidzi, *Jami’ al-Tirmizi* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008), no. hadis 2641.

²⁵ Ijaz A. Rauf, “73 Golongan Dalam Islam,” laman sesawang *Jamaah Muslim Ahmadiyah Indonesia*, Ahmadiyah.id, diakses 8 Mac 2022, <https://ahmadiyah.id/73-golongan-dalam-islam.html>.

mereka, pendefinisian Ahli Sunnah kini disempitkan hanya dalam masalah akidah, fiqh dan tasawuf sahaja.²⁶

Perakuan ini sudah pasti ganjil kerana jika diteliti kepada pelbagai kitab syarah hadis, ia secara khusus merujuk kepada Ahli Sunnah. Imam al-Mubarakfuri menjelaskan bahawa mereka yang disebut selamat (*al-firqah al-najiyah*) dalam hadis di atas ialah Ahli Sunnah yang menjadikan sunnah Rasul SAW dan sahabat RA

(أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِي مَا) sebagai sandaran beragama seperti mana yang dinyatakan sendiri oleh Baginda SAW dalam hadis tersebut.²⁷ Perbahasan berkenaan ‘autoriti’ sudah pasti memerlukan perbincangan yang panjang.²⁸ Namun, perakuan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai ajaran yang sahih bukan sekadar pelabelan semata tetapi bersandarkan kepada manhaj atau metodologi yang muktabar,²⁹ terdiri dari majoriti para ulama yang berpegang dan mengiktirafnya dari pelbagai bidang ilmu,³⁰ perakuan penguasa dan kerajaan yang mengadaptasikannya dalam polisi serta perundungan,³¹ beserta jumlah teramai umat Islam yang berpegang dengannya sehingga kini.³²

Oleh itu, penolakan kepada ijmak merupakan ciri sepunya ajaran sesat. Ini kerana walaupun mereka menerima al-Quran dan al-Sunnah serta menjadikan kedua-duanya sebagai antara hujah

²⁶ “SN479 – Siapakah Yang Dikatakan Ahlu Sunnah Wal Jamaah?” laman sesawang *Hizbut Tahrir Malaysia*, diakses 19 April 2022, <https://mykhilafah.com/sn479-siapakah-yang-dikatakan-ahlusunnah-wal-jamaah/>.

²⁷ Muhammad bin ‘Abd al-Rahman al-Mubarakfuri, “*Tuhfah al-Ahwazi*,” laman sesawang *Kitab al-Iman, al-Maktabah al-Islamiyah*, diakses 19 Julai 2022, https://www.islamweb.net/ar/library/index.php?page=bookcontents&ID=5067&bk_no=56&flag=1.

²⁸ Untuk huraihan lanjut berkenaan kedudukan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai autoriti pegangan arus perdana sila rujuk Azmil Zainal Abidin, “Keautoritarian Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah,” *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* (AFKAR) 19 [Keluaran Khas] (2017), 1-46.

²⁹ Pada aspek metodologi, lihat Abu al-Hasan al-Ash`ari, *Risalah Istihsan al-Khawd fi `Ilm al-Kalam* (Beirut: Dar al-Mashari`i, 1995), 48.

³⁰ Ibn ‘Asakir al-Dimasyqi, *Tabyin Kadzb al-Muftari fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash’ari*, ed. Muhammad Zahid al-Kauthari (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, 2010), 210-220.

³¹ Muhammad Zahid al-Kauthari, “Safhah min Hayat al-Musannif,” dalam *Tabyin Kadzb al-Muftari fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash’ari*, ed. Muhammad Zahid al-Kauthari (Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, 2010), 24.

³² Pew Research Centre, *Mapping the Global Muslim Population: A Report on the Size and Distribution of the World’s Muslim Population* (Washington D.C: Pew Forum on Religion and Public Life, 2009), 8.

‘kebenaran’ ajaran yang dikembangkan namun, pemahaman dan kaedah berinteraksi dengan nas-nas tersebut adalah bersalahan dengan manhaj yang telah disepakati ulama dan pegangan ummah umumnya sehingga lahirnya pandangan-pandangan yang ganjil, aneh dan ketara berbeza dengan pegangan Ahli Sunnah.

b. Doktrin: Bersifat Andaian tetapi Bermatlamat Menghasilkan Keyakinan

Susulan aspek di atas, pelbagai dakwaan oleh teori konspirasi dan ajaran sesat kebiasaan hanya bersifat andaian dan dakwaan tanpa bukti jelas tetapi dicorakkan untuk menghasilkan keyakinan kepada sesiapa yang mengikutinya. Ini berlaku akibat penolakan terhadap sumber autoritatif sedia ada. Ciri yang sama boleh dilihat dalam ajaran sesat di mana keperluan mendapatkan sokongan dan pengikut adalah penting sebagai kelangsungan ajaran yang dibawa. Oleh itu, tidak menghairankan terdapat beberapa ajaran yang hanya bersumberkan mimpi pengasasnya yang disulami pula dengan pelbagai teori konspirasi.

Mirza Ghulam Ahmad dalam karyanya *al-Tadkirah* menceritakan tentang peranan mimpi yang dialaminya berulang kali di awal usia muda sebagai isyarat bahawa beliau bakal menjadi al-Masih dan al-Mahdi. Hanya pada tahun 1865 beliau mendakwa menerima visi dari tuhan dalam bentuk pengetahuan yang nyata.³³ Ajaran al-Arqam turut percaya bahawa Ashaari Muhammad yang didakwa sebagai mujaddid abad ini dan Putera Bani Tamim yang berperanan menyiapkan ‘team ikhwan’ untuk diserahkan kepada Imam Mahdi disebut menerima maklumat dan arahan Rasulullah melalui *yaqazah* dan mimpi yang benar.³⁴ Manakala, ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT) yang pernah muncul pada tahun 2020 turut berkembang melalui dakwaan mimpi pengasasnya yang mendakwa perang dunia ketiga akan bermula di Sabah dan beliau bertanggungjawab mengumpul dan memimpin pasukan tentera untuk mencari Imam Mahdi sebelum pertempuran dengan musuh tercetus.

³³ Mirza Ghulam Ahmad, *Tadkirah*, terj. Chaudry Muhammad Zafrullah Khan (UK: Islam International Publication Ltd.), 3-8.

³⁴ Mohd. Nizamuddin Haji Asaari & Laila Ahmad, *Abuya Haji Ashaari Muhammad adalah Putera Bani Tamim* (Kuala Lumpur: Perniagaan Mata Angin, 2007), 35.

Ajaran Gerakan Akhir Zaman (GAZA) juga merupakan ajaran yang berkembang hanya bersumberkan mimpi pelopor ajaran tersebut. Muhammad Qasim Abdul Karim dari Pakistan yang merupakan pengasas ajaran ini mendakwa telah bermimpi bertemu Nabi SAW sebanyak 300 kali dan berkomunikasi dengan Allah SWT sebanyak 500 kali. Beliau juga mendakwa telah mengalami mimpi ini sejak 28 tahun yang lampau dan hanya mendedahkannya pada tahun 2018 atas ‘perintah’ yang diterimanya.³⁵ Laman sesawang rasmi ajaran tersebut menyediakan satu bahagian khusus berkait himpunan mimpi Muhammad Qasim yang dikategorikan kepada beberapa seksyen seperti geopolitik, islah, kiamat, masa depan Pakistan, *Ghazwatul Hind* dan lain-lain.³⁶ Setiap mimpi yang dinyatakan berkait dengan pelbagai teori konspirasi untuk menarik perhatian pengikut seterusnya mendapatkan sokongan dan kepercayaan orang ramai. Sebagai contoh beliau mendakwa telah bermimpi mendapat sokongan dari orang Bangladesh, Indonesia dan Malaysia dalam perjuangan beliau untuk memenangkan Islam umumnya dan Pakistan khususnya di akhir zaman.³⁷

Apa yang disebut sebagai mimpi oleh individu-individu di atas sebahagiannya difahami secara literal, manakala terdapat juga mimpi yang membabitkan alamat tertentu dan mereka mentakwilnya menurut sudut pandang ajaran yang dipegang. Dalam konteks ini, ajaran sesat menetapkan mimpi pengasas dan tokoh ajaran tersebut sebagai sumber yang wajib diyakini. Ini kerana ia satu-satunya ‘sumber’ yang mudah dieksplorasi sama ada pada aspek dakwaan dan juga pentakwilan. Namun dalam Islam, ulama meletakkan pembahagian kedudukan mimpi kepada tiga peringkat. Ia bersumberkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud³⁸:

³⁵ Imran Abbasi, “Analysis of the Dreams of Muhammad Qasim Ibn Abdul Karim,” laman sesawang *The Dayspring*, diakses 1 Ogos 2022, <https://www.thedayspring.com.pk/analysis-of-the-dreams-of-muhammad-qasim-ibn-abdul-karim/>.

³⁶ “Gerakan Akhir Zaman,” diakses 1 Ogos 2022, <https://gazadreamsqasim.com/>.

³⁷ “Orang-Orang dari Indonesia, Malaysia dan Bangladesh Membantu Menyebarluaskan Mimpi-Mimpi,” laman sesawang *Gerakan Akhir Zaman*, <https://gazadreamsqasim.com/>.

³⁸ Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah* (Beirut: Dar al-Salam, 2007), 285:2 (Kitab Ta’bir al-Ru’ya, Bab al-Ru’ya Thalath, no. hadis: 3907).

“Mimpi itu ada tiga jenis: mimpi yang merupakan gangguan syaitan untuk meresahkan anak Adam; mimpi yang pada asalnya perkara yang difikirkan manusia ketika jaga lalu terbawa hingga ke dalam tidur dan mimpi yang merupakan satu bahagian daripada 46 bahagian kenabian.”

Berdasarkan hadis di atas, mimpi yang benar adalah yang datang daripada Allah SWT di mana ia boleh ditakbirkan. Mimpi yang batil pula merupakan gangguan syaitan di mana ia tidak memerlukan pentafsiran serta tidak perlu juga dibincang dan diperbesarkan. Manakala yang ketiga adalah mimpi yang terhasil daripada cerminan sewaktu seseorang itu jaga. Oleh sebab itu pentakwilan mimpi tidak lebih sekadar andaian dan ramalan serta tidak boleh dijadikan satu ketetapan hukum. Sekiranya mimpi yang dialami adalah baik, maka digalakkan memuji Allah SWT dan memaklumkan kepada orang lain jika disukai, manakala jika ia buruk maka hendaklah memohon perlindungan daripada Allah SWT, meludah ke kiri tiga kali, serta tidak menceritakannya kepada orang lain kerana ia tidak memberikan sebarang mudarat kepadanya.³⁹ Ibnu Sirin telah meletakkan beberapa garis panduan dalam pentakwilan mimpi iaitu⁴⁰:

- i. Orang yang layak mentakwil mimpi ialah ulama, juru nasihat dan mereka yang memiliki kemampuan mentakwil. Mereka perlu menguasai dalil al-Quran dan hadis serta aneka maknanya. Ini kerana pentakwilan dinilai menurut lensa agama.
- ii. Makna mimpi hanya dapat dijadikan pengajaran dan perumpamaan. Mimpi tidak boleh dijadikan pertimbangan dan ketetapan hukum.
- iii. Pentakwilan tidak menyebabkan manusia melakukan larangan yang ditegah agama.

³⁹ “Al-Fatawa”, laman sesawang *Da’irat al-Ifta’*, diakses 1 Ogos 2022, https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=1590#.Yu_VIH1BzIU.

⁴⁰ Muhammad bin Sirin, *Tafsir al-Ahlam al-Kabir* (Kaherah: Dar al-Safa, 2000), 1-5.

- iv. Pentakwilan tidak menyebabkan sesuatu ramalan dianggap pasti dan mutlak terjadi seperti yang dipercayai dalam ilmu tilik dan astrologi.

Oleh itu, pentakwilan terhadap mimpi yang baik jika mahu dilakukan maka perlulah selaras dengan ajaran dan hukum Islam. Ajaran sesat sebaliknya menjunjung mimpi sehingga diposisikan sebagai sumber mutlak dalam keyakinan. Pentakwilan terhadap mimpi oleh pengasas dan tokohnya juga dinilai benar dan wajib diyakini walau bercanggah dengan ajaran agama. Oleh kerana itu, buku-buku takwil mimpi oleh tokoh dan pengasas sesuatu ajaran diletak setaraf dengan sumber agama. Ia berlaku akibat penolakan terhadap sumber dan pandangan yang telah sedia disepakati ulama sejak zaman berzaman.

c. Pandang Alam: Membentuk Pola Pandang dan Naratif di Luar Norma

Pegangan terhadap sumber yang bersifat andaian dan fiksyen akan melahirkan pemikiran yang asing dari norma pemikiran manusia terbanyak. Pola pandang dan naratif yang khusus perlu diwujudkan supaya kesetiaan pengikut terhadap pengasas dan tokoh serta ajaran itu sendiri dapat dikembangkan. Kebiasaannya pemimpin sesuatu ajaran sesat memiliki karisma sehingga aspek ‘ketokohan’ itulah yang menjadi pengharapan oleh pengikut. Ajaran yang dikembangkan juga perlu diperlihatkan paling penting di mana kebiasaannya idea-idea yang diketengahkan di luar kebiasaan. Oleh kerana ajaran sesat mengajar pengikutnya untuk berpegang dengan ajaran yang jauh berbeza dengan pegangan umat Islam umumnya maka mentaliti ‘Kami’ vs ‘Mereka’ digunakan. ‘Kami’ yang dimaksudkan di sini ialah kelompok pengikut yang komited berpegang dengan sesuatu ajaran, meletakkan penghormatan tinggi terhadap tokoh ajaran serta darinya lahir perasaan istimewa dan ‘superior’ daripada orang lain. ‘Mereka’ pula ialah umat Islam umumnya yang dilihat ‘jahil’, tidak mengetahui ‘rahsia’ ilmu yang sebenar serta mempunyai tahap beragama yang lebih rendah.

Sebagai contoh, Abdul Kahar Ahmad telah mendakwa dirinya sebagai rasul Melayu berpandukan surah Ibrahim ayat 4⁴¹. Beliau mendakwa rasul perlu diutus berinteraksi secara langsung dengan pengikutnya serta boleh memberi jaminan syurga kepada sesiapa yang menuruti ajarannya.⁴² ‘Karisma’ yang ditonjolkan beliau kepada pengikutnya termasuk pelbagai jaminan dan pengharapan yang diberikan akhirnya melahirkan mentaliti ‘superior’ terhadap orang lain dan taasub terhadap pengasas ajaran tersebut.⁴³

Beberapa ajaran sesat juga membentuk naratif dengan memfokuskan kepada aspek tertentu yang menjadi tunjang kepada ajaran tersebut. Sebagai contoh ajaran Rasul Kahar bertemakan kedudukannya sebagai rasul untuk orang Melayu, beberapa kumpulan pseudo-tarekat memfokuskan aspek kebatinan dan ilmu rahsia, manakala al-Arqam bernaratifkan fenomena dan peristiwa akhir zaman. Ajaran al-Arqam yang memberikan fokus terhadap aspek eskatologi ini turut menyebarkan cabangan perbahasan tentang risalah nubuwwah, kepentingan mujaddid dalam agama, peranan setiap mujaddid di setiap zaman, kelahiran mujaddid akhir zaman serta kemunculan Imam Mahdi.⁴⁴ Naratif ini dikhususkan lagi dengan meletakkan zaman kelahiran terakhir mujaddid tersebut ialah awal kurun ke-15 (suku kurun pertama). Selain itu, maksud ‘akhir zaman’ yang dimaksudkan oleh Nabi dalam pelbagai hadis ditafsirkan sebagai sekitar kurun ke-15 Hijrah dan kebangkitan Islam di sebelah timur yang dimaksudkan ialah gugusan Kepulauan Melayu yang terdiri dari negara Malaysia, Indonesia dan sekitarnya dengan Malaysia dikatakan lebih menonjol.⁴⁵ Oleh itu ajaran ini menerima sambutan baik kerana isu dan permasalahan yang dibawa diperlihatkan penting iaitu kemunduran umat Islam sejak berabad tanpa bimbingan mujaddid; pihak antagonis yang berkonspirasi turut dinyatakan jelas iaitu kuasa Barat dan kuffar; serta penyelesaian yang dikaitkan secara

⁴¹ Terjemahan: “Dan Kami tidak mengutus seorang rasul pun, melainkan dengan bahasa kaumnya, agar dia dapat memberi penjelasan kepada mereka.” Ibrahim, 4.

⁴² Nabi Palsu Kahar Part 1 dari 2.wmv, laman sesawang *Youtube*, diakses 8 Feb 2021, <https://www.youtube.com/watch?v=AosQpX0wY8w>.

⁴³ Nabi Palsu Kahar Part 2 dari 2.wmv, laman sesawang *Youtube*, diakses 8 Feb 2021, <https://www.youtube.com/watch?v=pG891kFjq7g>.

⁴⁴ Mohd. Nizamuddin Haji Asaari dan Laila Ahmad, *Abuya Haji Ashaari Muhammad adalah Putera Bani Tamim* (Kuala Lumpur: Perniagaan Mata Angin, 2007), 18.

⁴⁵ Ibid., 18-19.

erat dengan pengikut iaitu kebangkitan Abuya dari Malaysia pada masa tersebut.

d. Sosial: Memerlukan Pengikut yang Taasub bagi Kelangsungan Teori atau Ajaran

Naratif tertentu yang dibentuk dalam sesuatu ajaran sesat mahupun teori konspirasi akhirnya akan melahirkan pengikut yang taasub dan fanatik terhadap ajaran yang dipegang. Fanatik lahir daripada penerimaan bulat terhadap sesuatu tanpa dipertimbangkan secara rasional dan teliti. Tidak seperti ‘kesetiaan’ yang penting dalam kefungsian sosial, sikap fanatik berasaskan sentimen keterlaluan terhadap sesuatu subjek. Dalam konteks ajaran sesat, mereka yang terjebak dengannya melihat bahawa ajaran tersebut mengisi keperluan rohani atau spiritual yang dicari selama ini. Kebergantungan rohani terhadap ajaran tersebut menjadikan apa sahaja yang diajar diterima begitu sahaja manakala sebarang kritikan ditolak. Ia melahirkan sikap tidak toleran, namun dalam masa yang sama bangga terpilih mengikuti ajaran terbabit dan membenci sesiapa yang berbeza.

Selain itu, terdapat ajaran sesat yang diperlihatkan mampu mengisi vakum perubahan yang diingini oleh pengikutnya. Manusia boleh berasa hampa dan kecewa sekiranya berlaku perubahan yang negatif terhadap kehidupan mereka dan kehampaan itu boleh bertambah jika mereka melihat tiada sistem atau nilai yang boleh menambah baik dan memulihkan apa yang dikehendaki sebelumnya. Terdapat beberapa ajaran sesat yang memperlihatkan ajaran mereka sebagai penyelesaian terhadap rasa kehampaan tersebut. Mereka akan menggunakan sentimen berkait kemunduran umat Islam serta kekuatan musuh khususnya dari Barat yang mengancam. Ditunjukkan bahawa penyelesaian terhadap segala kerumitan tersebut adalah dengan menyokong perjuangan gerakan yang dipimpin tokoh atau watak terkemuka sama ada sebagai Pemuda Bani Tamim, Imam Mahdi, Isa al-Masih, Khalifah Islamiyyah dan lain-lain. Apabila penyelesaian tersebut dilihat sebagai muktamad dan terpenting, maka apa sahaja ajaran dan amalan yang ganjal serta bersalah dengan agama tetap diterima. Apatah lagi setiap ajaran akan menonjolkan dakwaan kekeramatian, keajaiban bahkan kemukjizatan yang dikurniakan terhadap tokoh yang disanjung tersebut.

Ajaran al-Arqam mengajar pengikutnya bahawa Syeikh Suhaimi yang dianggap sebagai Imam Mahdi telah ghaib dalam beberapa tempoh dan akan kembali di akhir zaman. Upacara pengebumian beliau di Kampung Teluk Pulai, Kelang, Selangor pada tahun 1925 didakwa sekadar lakonan bagi mengelakkan fitnah dan kegemparan masyarakat sekiranya beliau ghaib secara tiba-tiba.⁴⁶ Sepeninggalannya para pengikut mengingati Syeikh Suhaimi melalui penyebutan nama beliau. Ia seperti yang dijelaskan oleh penulis manaqib beliau iaitu⁴⁷:

“Syeikh Suhaimi telah berpesan dan memberitahu keluarganya dan murid-muridnya bahawa jika sesiapa di antara mereka menemui sesuatu bahaya atau kesusahan atau ada sesuatu hajat maka mereka serulah namanya, Insya Allah ia akan menolong mereka. Pesanan Syeikh Suhaimi ini telah diikuti oleh keluarganya dan murid-muridnya, maka seruan itu telah berhasil.”

Beberapa contoh pegangan dan amalan di atas jelas menunjukkan kepentingan taasub dalam menjamin kelangsungan sesuatu ajaran sesat. Ia menuntut kepada penerimaan utuh tanpa penelitian secara mendalam terhadap setiap dakwaan yang dilontarkan oleh pengasas dan tokoh ajaran walaupun di luar rasional dan ketetapan agama.

Sebagai rumusannya terdapat empat elemen yang menjadi nilai sepunya antara teori konspirasi dan sebahagian ajaran sesat seperti yang diuraikan di atas. Walaupun teori konspirasi dan ajaran sesat mempunyai latar dan ciri yang berbeza, namun perbincangan di atas memperlihatkan bahawa terdapat beberapa ciri yang sama antara keduanya sehingga beberapa ajaran sesat menjadikan teori konspirasi sebagai sumber kebenaran ajaran mereka. Namun, untuk mendapat tempat dan diterima oleh masyarakat kini, penyebaran ajaran secara konvensional adalah terhad dan kurang efektif. Oleh yang demikian ajaran-ajaran ini

⁴⁶ Md. Taha Suhaimi, *Jawapan Bagi Tuduhan-Tuduhan Terhadap Sejarah Hidup Syeikh Muhammad As-Suhaimi dan Aurad Muhammadiah* (t.p: tp, t.t.), 36-37.

⁴⁷ Ibid., 35.

beralih kepada internet khususnya media sosial yang mempunyai liputan dan kaedah interaksi lebih meluas dan berkesan.

Peranan Media Sosial

Perbincangan seterusnya membentangkan beberapa ajaran sesat yang aktif menggunakan media sosial dan mengadaptasi teori-teori konspirasi untuk menjustifikasi kedudukan ajaran mereka. Kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada tahun 2015 menunjukkan internet sebagai faktor pendorong dan saluran media yang memberi pengaruh besar kepada penyebaran doktrin radikal seperti yang dikembangkan oleh ISIS. Sebanyak 50.4% saluran media yang digunakan bersumberkan Facebook dan 35% adalah Youtube. Manakala, faktor persekitaran yang mempengaruhi penyebaran ideologi ISIS adalah bersumberkan rakan siber iaitu 14.1% dan terbanyak berbanding faktor-faktor lain.⁴⁸ Berdasarkan data dari PDRM pula, Telegram merupakan ruang komunikasi yang paling banyak digunakan oleh kumpulan ini sama ada untuk merekrut ahli, menyebarkan maklumat sehingga kepada penganjuran sesi baiah taat setia secara maya.⁴⁹ Bahkan, terdapat individu yang terjebak dengan ajaran dan gerakan ini atas kesalahan membuat bahan letusan yang hanya berpandukan kepada info di Google dan Youtube sahaja.⁵⁰ Kajian oleh The Brookings Project yang melihat pengaruh kumpulan radikal di media sosial pada tahun 2014 menunjukkan terdapat lebih kurang 46,000 akaun Twitter yang digerakkan oleh pendokong dan simpatisan ISIS ketika zaman kemuncaknya.⁵¹ Ia belum termasuk di platform-platform media sosial yang lain.

Bagi mendapatkan sokongan umat Islam, ISIS biasanya memperlihatkan situasi semasa umat Islam (khususnya di negara berkonflik) dan umat Islam perlu bertindak dan berjuang bersama mereka. Tidak menyertai perjuangan mereka disebut sebagai

⁴⁸ Mohd Khairul Naim Che Nordin & Muhamad Syafriz Mhd Nazer, “Faktor Penglibatan Belia Muslim Malaysia dengan Terorisme: Analisis Perspektif PDRM dan Panel Pemulihan Deradikalisasi,” *Jurnal Usuluddin* 48.1 (2020), 7.

⁴⁹ Ibid., 12.

⁵⁰ Ibid., 14.

⁵¹ J. M. Berger & Jonathan Morgan, *The ISIS Twitter Census: Defining and Describing the Population of ISIS Supporters on Twitter*, The Brookings Project on U.S Relations with the Islamic World (t.tp.: Brookings, 2015), 2.

bersalahan dengan agama. Abu Muhammad al-Adnani menyatakan dalam majalah rasmi ISIS iaitu DABIQ yang disebarluaskan secara atas talian termasuk di media sosial:

“Masanya telah tiba bagi generasi-generasi yang tenggelam dalam lautan kehinaan, disusui dengan susu kehinaan, dan diperintah oleh orang-orang yang paling keji, setelah lama terlena dalam kegelapan pengabaian – sudah tiba masanya bagi mereka untuk bangkit.”⁵²

Mereka cuba mendapatkan rekrut yang melihat diri sebagai mangsa ketidakadilan, sering dipermain kerana tidak bertindak, dan jalan untuk mendapatkan apa yang telah hilang ialah melalui tindakan kekerasan. Turut ditekankan konspirasi yang dirancang kelompok kuffar termasuk dalam kalangan umat Islam sendiri. Petikan dari majalah atas talian ISIS berikut merupakan contoh langsung dari gerakan ini yang cuba menanamkan idea bahawa negara-negara Islam turut berkonspirasi secara bersama dan terancang menindas umat Islam:

“.... Kerana mereka sentiasa mengetahui bahawa kamu adalah orang yang paling keras memusuhi mereka, dan juga yang paling berbahaya di antara mereka terhadap negara Yahudi kecil dan agen mereka, sama ada dari kerajaan murtad di Teluk dan mereka di rantau ini... tujahan kuku mereka ke dalam tubuh umat selama berabad-abad, maka sudah tiba masanya cakar-cakar itu dicabut dan tangan-tangan itu terputus, dengan izin Allah, melalui iman, keteguhan hati, tawakkal, kesabaran, dan keteguhan hati anak-anak khilafah.”⁵³

⁵² Islamic State, *Dabiq: The Return of Khilafah* (Dubai: Al-Hayat Media, 2014), 8.

⁵³ Aaron Y. Zelin, “The Ruling of the Belligerent Christians,” *Rumiyah Online Magazine*, 9 September 2017, <https://jihadology.net/category/rome-magazine/>.

Selain itu, antara ajaran yang lebih terkini dan tersebar luas melalui media sosial ialah Gerakan Akhir Zaman (GAZA), sebuah ajaran yang sepenuhnya berasaskan mimpi seorang lelaki dari Pakistan bernama Muhammad Qasim. Tema-tema setiap mimpi beliau juga sepenuhnya berkait dengan peristiwa akhir zaman yang dikaitkan dengan teori-teori konspirasi. Ajaran ini berkembang bermula dari Pakistan sehingga kemudiannya popular di Indonesia dan Malaysia. Beberapa pengikutnya mengambil inisiatif sendiri membina laman web rasmi ajaran dalam bahasa Melayu, melakukan terjemahan video daripada bahasa Urdu ke bahasa Melayu serta membina jaringan media sosial yang boleh diakses secara mudah. Muhammad Qasim sendiri mempunyai blog peribadi yang menghimpunkan kenyataan, pandangan dan ajaran beliau. Turut disertakan di blog tersebut ialah ‘*link*’ jemputan kepada sesiapa sahaja untuk menyertai Whatsapp Group beliau. Selain itu, Twitter dan Facebook turut dijadikan medium bagi ajaran ini seperti AlMahdi Muhammad Qasim Fans, Muhammad Qasim Supporters, Pendukung Muhammad Qasim bin Abdul Karim dan lain-lain. Mereka turut menyediakan pelbagai video berkait ajaran ini di Youtube. Sehingga Ogos 2022, terdapat seramai 13,200 *subscribers* di akaun tersebut. Turut disediakan ialah laman sesawang yang dinamakan Devine Dreams yang menyediakan secara lengkap segala maklumat berkait ajaran ini bermula daripada biografi pengasasnya, himpunan video dalam pelbagai bahasa, himpunan artikel dan blog serta FAQ.⁵⁴ Web dalam bahasa Melayu/Indonesia dan Inggeris turut dibangunkan oleh pengikutnya dari Indonesia dan Malaysia.⁵⁵ Ia lengkap dengan himpunan setiap mimpi pengasasnya yang dipecahkan kepada beberapa topik tertentu. Turut dimasukkan ialah liputan berita berkait ajaran tersebut yang dinamakan sebagai Daily Gaza.

Di samping itu, kumpulan Hizbut Tahrir Malaysia juga merupakan antara ajaran yang turut menggunakan media sosial secara meluas. Sehingga Ogos 2022, jumlah *followers* ajaran ini di Facebook ialah berjumlah 58,000 pengguna, 6209 pengguna di Instagram, 4490 *subscribers* di Youtube dan 882 *subscribers* di Telegram. Selain berkongsi aktiviti yang dijalankan, kumpulan ini

⁵⁴ “Devine Dreams”, diakses 1 Ogos 2022, <https://divinedreams.co/about/>

⁵⁵ Lihat “Gerakan Akhir Zaman (GAZA)”, diakses 2 Ogos 2022, <https://gazadreamsqasim.com/>.

turut bebas menyebarkan fahaman yang dibawa sama ada dalam bentuk risalah, video dan poster. Bagi menarik perhatian pengguna media sosial, mesej dan isu yang dibawa berkait aspek sosio-politik umat dan negara Islam dengan solusi terhadap segala permasalahan tersebut adalah menerusi pembentukan khilafah. Selain itu, kumpulan al-Arqam yang telah diharamkan sejak 1994 masih dikesan aktif di media sosial. Sebagai contoh terdapat Telegram yang melampirkan puluhan buku karya Ashaari Muhammad dan pengikut al-Arqam yang lain. Buku-buku yang diharamkan dari diedarkan oleh Kementerian Dalam Negeri ini dikongsi secara meluas dan dapat dimuat turun dalam bentuk PDF. Begitu juga wujud akaun-akaun peribadi yang secara langsung dan halus menyebarkan idea-idea ajaran tersebut dalam hantaran-hantaran mereka. Jamaat Ahmadiyah Muslim Malaysia turut dikesan mempunyai halaman Facebook tersendiri serta laman sesawang rasmi yang lengkap dengan pengenalan, buku-buku dan artikel, khutbah dan lain-lain.⁵⁶

Setiap ajaran ini menggunakan pelbagai pendekatan untuk mendapatkan pengikut. Doktrin yang diajar diperlihatkan sebagai unik dan istimewa serta amalan yang ditunjukkan ditonjolkan berbeza dari amalan ibadah yang lazim diamalkan. Di samping itu, salah satu pendekatan popular yang digunakan oleh penggerak ajaran sesat ialah melalui penceritaan termasuklah teori-teori konspirasi yang dikaitkan pula dengan tanda-tanda akhir zaman sebagai membuktikan kebenaran dakwaan. Ajaran Qadiani atau Ahmadiyah sebagai contoh mendakwa kemunculan Imam Mahdi akan didahului dengan tercetusnya *inqilab* (revolusi) selepas 1200 Hijrah.⁵⁷ Ia seolah revolusi pertentangan kelas yang menjungkir balik setiap kedudukan kelas sosial sehingga mencetuskan perperangan besar di India. Dengan bermain emosi seperti kesengsaraan, kesedihan dan kepayahan sepanjang peristiwa tersebut, ajaran ini kemudiannya menarik perhatian pengikut untuk memberi pengharapan terhadap kemunculan al-Mahdi yang akan melenyapkan setiap kegundahan yang berlaku. Menurut

⁵⁶ Jemaat Muslim Ahmadiyah, “Kenali Ahmadiyah,” laman sesawang *Jemaat Ahmadiyah Muslim Malaysia*, diakses 2 Ogos 2022, http://alislam.my/?fbclid=IwAR1eRV4nxcRghuf6HEoEu_rE8-H1JlnGZ7XjAsn8Ed9Gm6Era4DdgJWZ8iE.

⁵⁷ Mirza Ghulam Ahmad, *Nishan-e-Asmani: The Heavenly Sign*, terj. Muhammad Akram Ghauri (UK: Islam International Publication Limited, 2005), 25-26.

Mirza Ghulam Ahmad dalam syair berkait kemunculan dirinya sebagai Imam Mahdi beliau menyebut⁵⁸:

*But do not grieve, for in the midst of these
anxieties,
I envision the joy of meeting the Sweetheart.
When the unfruitful winter is over,
I envision the rising of the sun of a happy
spring.*

Ia bermaksud, ketika musim gugur abad ketiga belas berakhir, ‘matahari musim semi’ akan terbit pada awal abad keempat belas, iaitu ‘mujaddid zaman’ akan muncul yang memberi maksud kedatangan beliau menyelamatkan dunia ini. Terdapat pelbagai lagi ajaran sesat yang turut menggunakan bentuk penceritaan seperti ini dengan latar dan watak yang berbeza disulami dengan pelbagai teori konspirasi yang dieksplorasi untuk mendapatkan pengikut.

Rumusan

Perbincangan di atas telah menghuraikan wujudnya sinkritasi antara ajaran sesat dengan teori konspirasi di mana ciri-ciri sepunya tersebut menjadikan kedua-duanya dapat beradaptasi. Pada aspek peranan, penggunaan teori konspirasi oleh beberapa ajaran sesat adalah atas beberapa faktor seperti menyediakan rasa berkumpulan, mendapatkan legitimasi bahawa ajaran tersebut benar, mendapatkan sokongan dan pengikut serta menyanggah kritikan pihak lawan. Oleh kerana ajaran sesat itu sendiri membentuk pegangan dan keyakinan tersendiri ahlinya maka ia memberikan impak yang negatif kepada umat Islam dalam pelbagai aspek. Pada aspek agama, ajaran yang tersebar ini jelas menyalahi Ahli Sunnah Wal Jamaah sama ada pada aspek akidah, fiqh atau pun tasawuf. Menjaga agama (*hifz al-Din*) merupakan satu tuntutan kepada umat Islam khususnya dalam konteks maqasid yang lima, kerana langkah pencegahan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah demi menjaga akidah yang sahih dan mengelakkan pegangan yang menyesatkan. Maksud ‘menjaga’ di sini termasuklah tanggungjawab pemerintah

⁵⁸ Ibid., 26.

yang perlu memastikan hanya ajaran yang sahih diajar dan disebarluaskan kepada masyarakat, manakala ajaran yang salah dan teori yang bersifat andaian tetapi mengatasnamakan Islam sehingga membawa pada penyimpangan, bid'ah dan perpecahan perlu dicegah dari disebar dan diamalkan.

Pada aspek sosial, ia memberikan ancaman kepada perhubungan sosial dan keselamatan kerana mereka yang terjebak dengan ajaran sebegini mempunyai pegangan dan seterusnya pola pandang yang berbeza dengan masyarakat. Lebih membimbangkan, aspek pegangan ini boleh diterjemahkan ke aspek tindakan sehingga boleh membahayakan masyarakat. Manakala, pada aspek individu pula, ajaran seperti ini memberikan kesan kepada psikologi kerana apa yang dipegang berciri emosional. Kepercayaan kepada ajaran dan teori ini memerlukan emosi yang negatif berbanding rasional, serta bergantung kepada sentimen berbanding ilmu. *Confirmation bias* boleh lahir dari sikap menerima sesuatu ajaran secara emosi dan tanpa usul periksa yang teliti. Ia melahirkan individu yang berkecenderungan berpegang dengan satu pendapat, kemudian cuba mendapatkan pelbagai hujah bagi membenarkan pendapat tersebut. Manakala, pendapat lain diabai atau disanggah walau berkemungkinan benar. Hal ini dikuatkan lagi dengan perkembangan media sosial yang menyediakan apa yang disebut pegangan alternatif (*alternative truth*) yang berbeza dengan pegangan arus perdana.

Oleh itu, bagi mengatasi keterlibatan seseorang dengan ajaran seperti di atas, maka umat Islam perlu didedahkan dengan pengajian agama yang tersusun dan sistematik. Pada aspek perseorangan, setiap individu perlu mengambil cakna tentang sumber yang digunakan oleh ajaran sesat dan teori konspirasi. Sesuatu dakwaan tanpa bukti atau berasaskan bukti yang kabur adalah suatu bukti bahawa ia (dakwaan tersebut) tidak benar. Setiap individu juga perlu berhati-hati dan tidak mudah menerima ajaran yang berbeza dari apa yang diiktiraf oleh pihak berautoriti dan pandangan jumhur ulama. Sebaliknya apa yang perlu dilakukan ialah meneliti dan menapis apa yang diterima melalui suluhan ilmu dipandu ulama yang berkepakaran dalam sesuatu bidang. Di samping itu, sesuatu ajaran yang berkembang dengan sumber yang tidak jelas dan menjadikan teori konspirasi sebagai

hujahan mereka berkemungkinan besar membabitkan penggerak ajaran itu sendiri sebagai konspirator, - yang berkonspirasi agar ajarannya diterima - serta berkonspirasi juga agar teori konspirasi yang dibawa diterima secara yakin dan benar oleh pengikutnya.

Berdasarkan beberapa contoh ajaran sesat di atas juga menunjukkan internet dan media sosial digunakan secara optimum oleh kumpulan ajaran sesat bagi menyebarkan ajaran mereka. Penelitian yang dilakukan menunjukkan beberapa ajaran turut menyediakan suatu bahagian berkenaan jawab balas sebagai respons terhadap pengharaman ajaran mereka di Malaysia. Melihat kepada perkembangan ini, kaedah penguatkuasaan tidak berkesan sepenuhnya dalam mengawal penyebaran ajaran sesat di internet. Satu laman media sosial yang dilapor dan disekat akan digantikan pula dengan puluhan akaun yang lain. Oleh itu, makalah ini mencadangkan supaya pihak berkuasa agama dan institusi fatwa sama ada di peringkat negeri maupun persekutuan untuk mengoptimumkan penggunaan media sosial secara interaktif dan meluas. Ia wajar dijadikan medium yang secara terfokus menjelaskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menerangkan justifikasi pengharaman dan pewartaan sesuatu ajaran sesat. Melihat kepada perkembangan semasa kini, masyarakat tidak lagi sekadar menerima apa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, sebaliknya penerangan, justifikasi dan dalil perlu dikemukakan bagi mengelakkan kekeliruan.

Rujukan

- Aaron Y. Zelin. “The Ruling of the Belligerent Christians.” *Rumiyah Online Magazine*, 9 September 2017, <https://jihadology.net/category/rome-magazine/>.
- Ahmad bin Muhammad Zayn al-Fatani. *Faridah al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqaid*. Pattani: Matba'ah Bin Halabi, t.t.
- Al-Ash`ari, Abu al-Hasan. *Risalah Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*. Beirut: Dar al-Mashari` , 1995.
- Al-Kauthari, Muhammad Zahid. “Safhah min Hayat al-Musannif,” dalam *Tabyin Kadzb al-Muftari fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash`ari*, ed. Muhammad Zahid al-Kauthari. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, 2010.

- Al-Mubarakfuri, Muhammad bin ‘Abd al-Rahman. “Tuhfah al-Ahwazi.” Laman sesawang *Kitab al-Iman, al-Maktabah al-Islamiyyah*,
https://www.islamweb.net/ar/library/index.php?page=book_contents&ID=5067&bk_no=56&flag=1.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin ‘Isa. *Jami’ al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2008.
- Azmil Zainal Abidin. “Keautoritarian Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah.” *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (AFKAR)* 19 [Keluaran Khas] (2017): 1-46.
- J. M. Berger & Jonathan Morgan. *The ISIS Twitter Census: Defining and Describing the Population of ISIS Supporters on Twitter*. The Brookings Project on U.S Relations with the Islamic World. t.t.: Brookings, 2015.
- Coady, David. “An Introduction to the Philosophical Debate about Conspiracy Theories,” dalam *Conspiracy Theories: The Philosophical Debate*, ed. David Coady. New York: Routledge, 2018.
- “Communications Ministry: Malaysia has Approximately 28 Million Social Media Users as of Jan 2021.” Laman sesawang *MalayMail*, 22 Sept 2021, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/09/22/communications-ministry-malaysia-has-approximately-28-million-social-media/2007482>.
- Daud ‘Abd Allah al-Fatani. *Al-Durr al-Thamin fi ‘Aqaid al-Mu’mimin*. Pattani: Matba’ah Bin Halabi, t.t.
- De Coninck, David, Thomas Frissen, Koen Matthijs, Leen d’Haenens, Grégoire Lits, Olivier Champagne-Poirier, Marie-Eve Carignan et al. “Beliefs in Conspiracy Theories and Misinformation About COVID-19: Comparative Perspectives on the Role of Anxiety, Depression and Exposure to and Trust in Information Sources,” *Frontiers in Psychology* 12 (2021): 1-13.
- “Divine Dreams.” Diakses 1 Ogos 2022, <https://divinedreams.co/about/>.
- Dewan Negeri Selangor. “Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2016,” 31 Oktober - 4 November 2016 dan 7 November - 10 November 2016, Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor,

- <http://dewan.selangor.gov.my/question/ajaran-agama-sesat-di-selangor/>.
- “al-Fatawa”. Laman sesawang *Da’irat al-Ifta’*.
https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=1590#.Yu_V1H1BzIU.
- Hartman, Todd K., Michael Marshall, Thomas VA Stocks, Ryan McKay, Kate Bennett, Sarah Butter, Jilly Gibson Miller et. al. “Different Conspiracy Theories Have Different Psychological and Social Determinants: Comparison of Three Theories About the Origins of the COVID-19 Virus in a Representative Sample of the UK Population.” *Frontiers in Political Science* 3 (2021): 1-17.
- Ibn ‘Asakir al-Dimasyqi. *Tabyin Kadzb al-Muftari fima Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash’ari*, ed. Muhammad Zahid al-Kauthari. Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, 2010.
- Ibnu Majah. *Sunan Ibnu Majah*, vol. 2. Beirut: Dar al-Salam, 2007.
- Ijaz A. Rauf. “73 Golongan Dalam Islam.” Laman sesawang *Jamaah Muslim Ahmadiyah Indonesia*, Ahmadiyah.id, <https://ahmadiyah.id/73-golongan-dalam-islam.html>.
- Imran Abbasi. “Analysis of the Dreams of Muhammad Qasim Ibn Abdul Karim.” Laman sesawang *The Dayspring*, diakses 1 Ogos 2022, <https://www.thedayspring.com.pk/analysis-of-the-dreams-of-muhammad-qasim-ibn-abdul-karim/>.
- “Infodemic”. *World Health Organization (WHO)*, https://www.who.int/health-topics/infodemic#tab=tab_1.
- Islamic State. *Dabiq: The Return of Khilafah*. Dubai: Al-Hayat Media, 2014.
- Jemaat Muslim Ahmadiyah, “Kenali Ahmadiyah,” laman sesawang Jemaat Ahmadiyah Muslim Malaysia, diakses 2 Ogos 2022, http://alislam.my/?fbclid=IwAR1eRV4nxRghuf6HEoEu_rE8-H1JlnGZ7XjAsn8Ed9Gm6Era4DdgJWZ8iE.
- Md. Taha Suhaimi. *Jawapan Bagi Tuduhan-Tuduhan Terhadap Sejarah Hidup Syeikh Muhammad As-Suhaimi dan Aurad Muhammadiyah*. t.tp: tp, t.t.
- Menczer, Filippo. “Here’s Exactly How Social Media Algorithms Can Manipulate You.” Laman sesawang *Big Think*, diakses

- 3 Ogos 2022, <https://bigthink.com/the-present/social-media-algorithms-manipulate-you/>.
- Mirza Ghulam Ahmad. *Nishan-e-Asmani: The Heavenly Sign*, terj. Muhammad Akram Ghauri. UK: Islam International Publication Limited, 2005.
- Mirza Ghulam Ahmad. *Tadhkirah*, terj. Chaudry Muhammad Zafrullah Khan. UK: Islam International Publication Ltd.
- Mohd Khairul Naim Che Nordin & Muhamad Syafiz Mhd Nazer. “Faktor Penglibatan Belia Muslim Malaysia dengan Terorisme: Analisis Perspektif PDRM dan Panel Pemulihan Deradikalasi.” *Jurnal Usuluddin* 48.1. (2020): 1-32.
- Mohd. Nizamuddin Haji Asaari & Laila Ahmad. *Abuya Haji Ashaari Muhammad adalah Putera Bani Tamim*. Kuala Lumpur: Perniagaan Mata Angin, 2007.
- Muh. Hasim Arfah. “Ternyata, Hancurnya Gedung WTC Amerika Sudah Disebut dalam Al Quran.” Laman sesawang *Tribunnews*, 27 Feb 2015, <https://makassar.tribunnews.com/2015/02/27/ternyata-hancurnya-gedung-wtc-amerika-sudah-disebut-dalam-al-quran>.
- Muhammad bin Sirin. *Tafsir al-Ahlam al-Kabir*. Kaherah: Dar al-Safa, 2000.
- Penulis tidak diketahui. “Groups Associated with al-Qaeda, ISIS Spread Conspiracy Theories About COVID-19: UN Report.” *The Economic Times*, 19 November 2020, https://economictimes.indiatimes.com/news/defence/groups-associated-with-al-qaeda-isis-spread-conspiracy-theories-about-covid-19-un-report/articleshow/79297124.cms?utm_source=contentofinterest&utm_medium=text&utm_campaign=cppst.
- Pew Research Centre. *Mapping the Global Muslim Population: A Report on the Size and Distribution of the World’s Muslim Population*. Washington D.C: Pew Forum on Religion and Public Life, 2009.
- Portal Gerakan Akhir Zaman. “Orang-Orang dari Indonesia, Malaysia dan Bangladesh Membantu Menyebarluaskan Mimpi-Mimpi.” <https://gazadreamsqasim.com/>.
- Portal Hizbut Tahrir Malaysia. “SN479 – Siapakah Yang Dikatakan Ahlu Sunnah Wal Jamaah?”

- <https://mykhilafah.com/sn479-siapakah-yang-dikatakan-ahlu-sunnah-wal-jamaah/>.
- Ronningstam, Elsa F. *Identifying and Understanding the Narcissistic Personality*. Oxford: Oxford University Press, 2005.
- Saleh Mohammad Alladin. “The Advent of the Promised Messiah as Vindicated by the Signs of the Lunar and Solar Eclipses.” Laman sesawang *Al-Islam: The Official Website of the Ahmadiyya Muslim Community*, <https://www.alislam.org/articles/promised-messiah-lunar-solar-eclipses/>.
- “Social Media Penetration in Malaysia [Research],” laman sesawang Digital Business Lab, 26 Julai 2022, diakses 30 Julai 2020, <https://digital-business-lab.com/2022/07/%E2%91%A1-social-media-penetration-in-malaysia-research/>.
- Uscinski, Joseph E. *Conspiracy Theories: A Primer*. New York & London: Rowman & Littlefield, 2022.
- Video Nabi Palsu Kahar Part 1 dari 2.wmv. Laman sesawang *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=AosQpX0wY8w>.
- Video Nabi Palsu Kahar Part 2 dari 2.wmv, Laman sesawang *Youtube*, <https://www.youtube.com/watch?v=pG891kFjq7g>.

